

'Jawab 4 soalan dahulu'

UM-13/8/2006

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Datuk Mukhriz Mahathir (**gambar**) mencadangkan supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz menjawab empat soalan yang dikemukakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebelum mengeluarkan sebarang kritikan yang menyentuh bapanya.

Beliau yang juga anggota Exco Pemuda UMNO turut mencadangkan bekas Perdana Menteri itu dijemput mengadakan pertemuan dengan Ahli Majlis Tertinggi UMNO bagi menjelaskan mengenai perkara itu.

"Saya menasihatkan beliau (Nazri) menjawab dahulu semua empat soalan yang dikemukakan oleh Tun yang tidak terjawab hingga hari ini.

"Ini bukan soal siapa yang pukul gendang dan siapa yang menari tetapi soalan yang ditanya oleh Tun masih tidak dijawab dengan baik.

"Sekiranya beliau anak jantan, saya mencadangkan supaya jemputlah Tun un-

tuk bercakap di Majlis Tertinggi UMNO secara tertutup kerana saya rasa tidak ada masalah memandangkan bilangan ahli yang ramai berbanding dengan Tun seorang," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, ketika ditanya sama ada kritikan Dr. Mahathir itu boleh memberi kesan kepada perpaduan parti, Mukhriz berpendapat, ia tidak menimbulkan sebarang masalah sekiranya soalan-soalan tersebut dijawab.

Empat persoalan yang diutarakan oleh Tun ialah mengenai isu pembatalan jambatan bengkok, penjualan MV Augusta, Proton serta Permit Import (AP).

"Saya rasa tidak perlu kita menggunakan taktik mengungkit-ungkit soal peribadi dan menggambar-gemburkan perkara yang lepas mengenai Tun.

"Namun, kita perlu ingat bahawa ahli-ahli UMNO bijak menilai apa yang sebenarnya berlaku," katanya.



PERANA
SHIP
STION
AN
MPINAN
PERDANA